

“

Keuntungan sama dengan gelas,  
sama-sama lekas pecah.” (Pablius)

## TWEET DR. ASMADI

Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim  
Dekan Fakultat Perniagaan UPM (FPA)  
Universiti Utara Malaysia  
asmadimnaim@gmail.com



**Saya pernah berkhidmat dengan satu syarikat. Setelah itu, saya berkeyakinan untuk menubuhkan syarikat saya sendiri dan menjalankan perniagaan yang hampir sama. Adakah saya dikira khianat?**

**A** Setiap orang sebenarnya menjadi pandai hasil pengalaman orang lain. Hasil pembelajaran daripada orang-orang yang sudah berjaya, seseorang menjadi lebih pandai. Banyak contoh yang kita boleh dapat dari daripada keadaan ini.

Sebagai contoh, seseorang yang mahu membuka restoran, seharusnya mempunyai kepandaian memasak dan menguruskan restoran. Sudah tentu caranya ialah dia kena tekun bekerja dan belajar daripada tukang-tukang masak dan pengurus restoran tersebut.

Kedudukannya mengambil upah daripada kedai tersebut, seharusnya tidak menjadi penghalang baginya mempelajari sesuatu yang baru. Apabila sudah mempunyai keyakinan, sememangnya dia digalakkan berdiri di atas kaki sendiri dengan membuka restorannya sendiri. Sekalipun masakannya mungkin masakan yang sama.

Demikian juga halnya dengan orang yang membuka bengkel kenderaan. Sudah pasti dia perlu bekerja dulu di bengkel-bengkel kereta untuk mendapatkan pengalaman. Setelah itu, dia mungkin mempunyai keyakinan untuk membuka bengkelnya sendiri dan membaiki kereta yang sama jenis dengan bengkel asalnya.

Saya tidak mendengar daripada ulama-ulama terdahulu dan sekarang yang mengharamkan tindakan ini. Bahkan perkara ini digalakkan bagi mengelakkan *ihtikar* (monopoli dan menyorokkan barang) yang dilarang oleh syarak.

**Q Bagaimanakah seseorang itu dikira khianat setelah dia meninggalkan syarikat lamanya?**

**A** Saudara dikira khianat dan haram sekiranya saudara mengambil hak syarikat lama seperti:

- Mencuri sebarang harta syarikat sama ada untuk menggunakan atau menjualnya.
- Menggunakan maklumat di dalamnya untuk menjatuhkannya. Walaupun begitu, sekiranya berlaku kesalahan dari sudut syarak

dan kita ingin mengubahnya, maka tidak menjadi halangan untuk menasihatinya dan memaklumkan masyarakat mengenai ketidakpatuhan syarikat tersebut dengan syariat.

- Menggunakan tanda perniagaan ‘brand’ tanpa keizinan.



**Saya pernah menyertai syarikat pemasaran yang menyerupai multi level marketing (MLM) yang didakwa patuh syariah. Hasilnya, saya membina syarikat berdasarkan MLM yang juga patuh syariah (berbeza daripada syarikat sebelumnya). Tetapi, saya**

# PERSAINGAN DALAM PERNIAGAAN



**menggunakan stokis yang sama kerana saya sudah mengenali mereka. Apakah ini dikira khianat?**

**A** Soalan saudara ini saya perlu jawab berdasarkan beberapa sudut.

**Pertamanya:** Keharusan membina syarikat lain yang hampir sama.

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu melihat sejarah MLM. Sistem ini sebenarnya berasal daripada sistem yang tidak patuh syariah. Namun, beberapa inovasi dilakukan untuk membolehkan sistem ini dijadikan patuh syariah. Saya tidak pernah mendengar bahawa seseorang itu dikira khianat kepada sistem MLM sedia ada apabila membina sebuah sistem MLM yang patuh syariah.

Dalam konteks saudara, saudara membina satu lagi sistem MLM yang berbeza sistemnya, walaupun saudara telah mengambil pengalaman pihak yang lain.

**Keduanya:** Kedudukan stokis adalah berdasarkan kontrak syarikat tersebut dengannya.

Sekiranya memang nyata di dalam kontrak menyebut stokis dilarang berkontrak dengan pihak yang lain atau pihak pesaing, stokis mesti mematuhi syarat-syarat di dalam kontrak. Ini adalah berdasarkan hadis yang menyebut, "Orang-orang Islam wajib mematuhi syarat yang mereka sepakati." (Riwayat at-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Namun sekiranya tidak ada syarat larangan, stokis tersebut bebas berurusan dengan sesiapa yang mereka suka.

Mengenai kedudukan saudara, saya berpandangan adalah **harus** saudara menggunakan

hubungan saudara dengan stokis tersebut selama mana tidak ada larangan dalam kontrak mereka yang melarang berurusan dengan pesaing. Lebih-lebih lagi, komisen sebagai stokis untuk satu jenama sahaja tidak memungkinkan stokis itu mendapat pendapatan yang mencukupi.

**Q** **Bagaimana nula yang dikatakan mencuri 'hak cipta' atau 'hak tanda perniagaan'?**

**A** Hak cipta atau hak tanda perniagaan merupakan hak yang diiktiraf oleh syarak sebagaimana dibahanaskan oleh ulama-ulama semasa. Mencuri hak-hak tersebut adalah **haram** sebagaimana haramnya mencuri benda-benda yang dapat dilihat.

Sekiranya saudara mengambil hasil cipta seseorang dan mendakwa ianya hak anda, maka ia adalah satu pencurian dan saudara seharusnya didakwa. Namun sekiranya saudara mempelajari hak cipta tersebut sehingga pandai, lalu mencipta sesuatu yang berbeza daripada hak tersebut, maka saudara sudah mencipta sesuatu yang baru.

Ini tidak termasuk dalam golongan yang mencuri hak cipta orang lain. Atas dasar inilah, manusia mempelajari cara membuat kereta daripada seorang lelaki bernama 'Ford'. Lantas, lanjutan daripada cetusan idea 'Ford' ini, pelbagai jenis kereta dihasilkan.

Ini bersesuaian dengan hadis Nabi ﷺ, "Hikmah itu sesuatu yang hilang daripada orang Islam, apabila dia mendapatinya maka dia lebih berhak ke atasnya." (Riwayat at-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Sekiranya saudara mengambil

'tanda perniagaan' seseorang, dan mendakwa ianya milik saudara, maka saudara sebenarnya telah mencuri. Ini termasuk dalam bab memakan harta secara batil. Namun sekiranya saudara membina tanda perniagaan baru, ia bukan mencuri.

**Q** **Wajarkah saya berasa serba salah untuk bersaing?**

**A** Persaingan adalah sesuatu yang sihat. Atas dasar itulah Rasulullah ﷺ melarang monopol dalam hadisnya yang bermaksud, "Sesiapa yang memonopoli maka dia salah (berdosa)." (Riwayat Muslim)

Usaha saudara menubuhkan sistem baru, adalah sesuatu yang terpuji. Pastikan bahawa saudara tidak melakukan kesalahan yang sama seperti sistem-sistem sebelumnya. *Wallahu a'lam.* ☰

**Q** **Bagaimana amalan-amalan di bank-bank Islam sekarang?**

**A** Bank-bank Islam sedang berhadapan dengan persaingan yang sihat. Tidak timbul isu pengkhianatan apabila seseorang yang bekerja di sebuah bank Islam (dan sudah menjadi pandai) kemudian berpindah ke bank Islam yang lain. Bahkan, kerana kepandaian inilah sesebuah bank mahukan staf tersebut dan kepandaian itulah digunakan kelak di bank yang baharu.

Bank-bank Islam lebih menumpukan kebagusan perkhidmatan mereka dan keaslian mematuhi Syariah dalam menarik pelanggan, tanpa tuduh-menuduh, pengkhianatan, dan sebagainya kepada pesaing mereka.

**QA HIGHLIGHT**